

11 NOV 1997

Cini-Pintu

MAKLUM BALAS BAGI CADANGAN MEMBINA PINTU AIR DI TASIK CINI

KUANTAN, 11 Nov (Bernama) -- Maklum balas daripada semua pihak yang terbabit dalam memajukan industri pelancongan di Tasik Cini akan dikumpulkan sebelum kertas cadangan mengenai pembinaan pintu air di Kuala Sungai Cini dikemukakan kepada kerajaan negeri dan persekutuan.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri, Datuk Shahiruddin Moin hari ini berkata borang soalselidik berkaitan cadangan itu telahpun diedarkan kepada pengusaha bot, pengusaha chalet dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendapatkan pandangan.

Semasa ditemui pemberita di sini, beliau berkata kunci air itu berupaya mengawal turun naik paras air di Tasik Cini selain memudahkan perjalanan ke destinasi pelancongan itu secara terus dari Sungai Pahang.

Katanya, projek itu dijangka bernilai RM3 juta dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) diminta mengambil tindakan awal bagi memohon peruntukan yang perlu kepada Jabatan Perdana Menteri.

Shahiruddin menambakkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri bersetuju pada dasarnya terhadap rancangan pembinaan kunci air di Tasik Cini itu.

"Malahan, gambar-gambar kunci air yang menjadi tarikan pelancong di beberapa negara seperti England dan Denmark yang dirakamkan sendiri oleh Perdana Menteri menjadi panduan kepada kerajaan negeri untuk menjalankan projek serupa di sini," tambahnya.

Mengenai tawaran kepada sektor swasta untuk mengendalikan Tasik Cini sebagai destinasi tumpuan pelancong, beliau berkata sehingga kini tawaran yang dikemukakan kepada Pemas untuk tujuan itu masih belum mendapat jawapan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri mengambil pendekatan terbuka kepada mana-mana pihak yang berminat mengendalikannya, termasuk membina chalet terapung dan mewujudkan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian.

Sebelum ini, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Ghani Sulaiman menghantar surat tawaran bertarikh 6 September dan meminta Pemas mengemukakan cadangan yang wajar bagi pembangunan di Tasik Cini.

Pada masa ini, Syarikat Aseana Tasik Cini Resort menguruskan 18 chalet di situ dan kontrak mereka akan berakhir Disember tahun depan. -- BERNAMA  
ROS oba